

**Cawangan Umno Di Pahang Dijangka Mula Bersidang Selepas Aidilfitri
Bernama
20 Julai, 2013**

KUANTAN, 20 Julai (Bernama) -- Sejumlah 1,097 cawangan Umno di Pahang dijangka hanya mula bersidang selepas sambutan Aidilfitri nanti walaupun tarikh persidangan ditetapkan dari 15 Julai hingga 31 Ogos.

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Umno Pahang Datuk Seri Abdul Jabbar berkata lebih 200 ahli Jawatankuasa Pemilihan Umno juga telah dilantik bagi memantau pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian.

"Pelantikan yang dibuat itu tidak melibatkan ahli yang memegang jawatan atau yang akan bertanding di peringkat bahagian atau cawangan," katanya kepada pemberita di sini, Sabtu.

Beliau turut mengingatkan ahli supaya membawa kad pengenalan semasa menghadiri persidangan itu kerana setiap cawangan dibekalkan dengan alat pengimbas MyKad berserta dengan data keahlian.

"Pelaksanaan sistem itu bagi mengelak masalah isu tidak cukup korum atau berlakunya pengundi hantu," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964863>